

→ INTERAKTIF

Atasi ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan graduan

Beberapa hari lalu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mendapati kadar pengangguran tertinggi adalah bagi graduan daripada program pentadbiran perniagaan, sains gunaan, pengurusan sumber manusia, perakaunan, kesusasteraan dan sains sosial untuk tempoh enam bulan selepas bergraduasi.

Apapun, isu pengangguran dalam kalangan graduan berkait rapat dengan prestasi ekonomi semasa.

Dalam keadaan ekonomi yang tumbuh secara perlahan, kadar pengangguran dijangka akan lebih tinggi, terutama bagi graduan program sains sosial dan kesusasteraan.

Untuk rekod, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2016 tumbuh dengan kadar lebih perlahan iaitu 4.2 peratus berbanding 5 peratus pada 2015.

ding 5 peratus pada 2015.

Ukuran kebolehpasaran graduan

Bagaimanapun, kadar pengangguran bukanlah petunjuk sempurna bagi mengukur kebolehpasaran graduan.

Hal ini kerana pengangguran tidak memberi petunjuk kepada status ketidakpadanan pekerjaan antara penawaran oleh institusi pengajian tinggi dan permintaan oleh industri.

Perangkaan daripada Penyiasatan Tenaga Buruh 2014 menunjukkan 24 peratus daripada buruh kategori pekerjaan dalam kategori 'Perkeranian dan Sokongan' mempunyai diploma dan ijazah.

Sebanyak 13 peratus daripada mereka ini adalah golongan belia yang berumur antara 20 hingga



[FOTO HIASAN]

Pengangguran dalam kalangan graduan berkait rapat dengan prestasi ekonomi semasa.



Ketidakpadanan pekerjaan bermakna gaji dan upah buruh diterima lebih rendah walaupun mereka mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi”

29 tahun.

Jadi, strategi dan usaha untuk mengurangkan kadar ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan graduan perlu ditangani secara serius kerana ianya berkait rapat dengan isu sosioekonomi.

Hal ini kerana pertumbuhan ekonomi tidak menjinjak kepada pengurangan ketidakpadanan pekerjaan.

Gaji, upah lebih rendah

Antara 2011 hingga 2014, KDNK Malaysia bertumbuh pada kadar purata 5.4 peratus setahun.

Tetapi, bilangan buruh yang mempunyai diploma dan ijazah bagi kategori 'Perkeranian dan Sokongan' meningkat sebanyak 4 peratus daripada 20 peratus pada 2011 kepada 24 peratus pada 2014.

Ketidakpadanan pekerjaan

bermakna gaji dan upah buruh diterima lebih rendah walaupun mereka mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi.

Seterusnya, faktor gaji dan upah yang rendah akibat ketidakpadanan ini secara tidak langsung menjadi faktor penyumbang kepada bebanan kos sara hidup akibat daripada peningkatan kos perbelanjaan.

Faktor gaji dan upah rendah juga menjadi antara penyebab kepada ketidakpatuhan pembayaran balik pinjaman pelajaran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Dr Mohd Yusof Saari,

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia

E-MEL PEMBACA



Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my